

**PERLEMBAGAAN
DAN
PERATURAN-PERATURAN
PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**

Perkara I

Nama

Peraturan 1.1

Persatuan ini hendaklah dinamakan PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA (yang kemudian daripada ini disebut sebagai "PERSATUAN" sahaja)

Perkara II

Tafsiran

Peraturan 2.1

Dalam Perlembagaan ini, jika kandungan ayat menghendaki erti yang lain:

- (a) "Persatuan" ertinya Persatuan Badan Berkanun Malaysia;
- (b) "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa yang dinyatakan dalam Perkara XI Peraturan 11.1;
- (c) "Setiausaha" ertinya Setiausaha Kehormat yang dilantik oleh Yang Dipertua; dan
- (d) "Badan Berkanun" ertinya badan-badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang sama ada yang dibuat oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri;
- (e) "Perbadanan Kerajaan" ertinya Perbadanan Awam yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat atau Negeri;
- (f) "Syarikat" ertinya badan-badan tidak berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965;
- (g) "Pertubuhan" ertinya prtubuhan-prtubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966;
- (h) "Ahli" ertinya mana-mana organisasi yang diterima oleh Jawatankuasa Tertinggi untuk menjadi ahli Persatuan Badan Berkanun Malaysia;
- (i) Perkataan yang memberi pengertian mufrad hendaklah meliputi makna majmuk dan begitulah sebaliknya.

Perkara III

Tempat Urusan

Peraturan 3.1

Tempat urusan Persatuan ini dan alamat yang didaftarkan ialah di No: 148, Bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.

Peraturan 3.2

Tempat urusan boleh diubah oleh Jawatankuasa ini dengan mendapat kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

Perkara IV

Lambang

Peraturan 4.1

Lambang Persatuan berbentuk satu gubahan hasil gabungan tiga huruf P,B,B yang berwarna MERAH dan BIRU.

Perkara V

Tujuan

Perkara 5.1

- (a) Untuk merapatkan dan memperkukuhkan kerjasama di antara ahli-ahli Persatuan dengan tujuan mempertingkatkan mutu badan-badan berkanun di Malaysia.
- (b) Mempertingkatkan dan menggalakkan kemajuan dalam bidang pengkhususan pentadbiran, pengurusan dan latihan. Untuk tujuan ini sebuah Yayasan Amanah Latihan Berkanun hendaklah ditubuhkan dan diselenggarakan bagi membiayai dan membantu pengendalian kursus-kursus, seminar, syarahan dan lain-lain media latihan serta pelajaran dalam semua bidang pengurusan.
- (c) Yayasan Amanah ini hendaklah ditadbir mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil yang dimaktub khas untuk penyelenggaraan Yayasan Amanah Latihan Berkanun ini.

Perkara VI

Penaung

Peraturan 6.1

Persatuan mempunyai kuasa melantik seorang Penaung.

Penasihat

Peraturan 6.2

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk melantik seorang atau lebih penasihat kepada Persatuan apabila difikirkan perlu.

Perkara VII

Keahlian

Peraturan 7.1 Ahli Biasa

- (a) Badan Berkanun dan Perbadanan Kerajaan yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa bolehlah memohon untuk menjadi ahli.
- (b) Permohonan untuk menjadi Ahli Biasa hendaklah dibuat di dalam borang yang tersedia dan dikemukakan kepada Setiausaha. Setiausaha hendaklah menyampaikan dengan seberapa segera kepada Jawatankuasa untuk keputusan.
- (c) Ahli Biasa hendaklah diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya atau mana-mana pegawai lain yang dilantik olehnya secara bertulis dari semasa ke semasa.

Peraturan 7.2 Ahli Gabungan

- (a) Jawatankuasa bolehlah mengikut budibicaranya membenarkan mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan, syarikat atau pertubuhan untuk turut menjadi Ahli Gabungan Persatuan mengikut syarat-syarat yang mana difikirkan sesuai.
- (b) Ahli Gabungan berhak menerima faedah daripada Persatuan dan juga untuk turut serta dalam kegiatannya apabila dijemput tetapi Ahli Gabungan tidaklah mempunyai hak mengundi dalam hal ehwal Persatuan.

Peraturan 7.3 Pergabungan

Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya menggabungkan Persatuan dengan pertubuhan-pertubuhan lain mengikut syarat-syarat yang difikirkannya sesuai.

Peraturan 7.4 Ahli Kehormat

- (a) Jawatankuasa bolehlah mengikut budi bicaranya menjemput mana-mana organisasi untuk menjadi Ahli Kehormat Persatuan selama yang difikirkannya sesuai.
- (b) Ahli Kehormat tidaklah perlu menjelaskan bayaran masuk atau yuran tahunan dan tidaklah mempunyai hak bersuara dalam hal ehwal Persatuan dan mereka tidaklah boleh dengan apa jua caranya dipertanggungjawabkan di atas apa-apa yang terhutang kepada Persatuan ini ataupun yang dihutangi oleh Persatuan.

Perkara VIII

Bayaran Masuk, Yuran Tahunan & Sumbangan.

Peraturan 8.1

Bayaran masuk hendaklah dijelaskan dengan segera setelah disahkan pendaftaran menjadi ahli Persatuan dan Yuran Tahunann yang menjadi patut dibayar hendaklah dijelaskan terlebih dahulu tanpa notis pada atau sebelum 1 Januari tiap-tiap tahun seperti peraturan berikut :-

<u>Ahli</u>	<u>Bayaran Masuk</u>	<u>Yuran Tahunan</u>
Ahli Biasa	RM1,000.00	RM3,000.00
Ahli Gabungan	RM1,000.00	RM1,500.00

Mana-mana ahli yang tidak menjelaskan Yuran Tahunan yang menjadi patut dibayar sebelum Mesyuarat Agung Tahunan, tidak dibenarkan untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan tersebut.

Peraturan 8.2

Tidak ada ahli baru yang boleh mempunyai hak dalam mana-mana keistimewaan Persatuan atau mengundi dalam apa-apa hal sehingga ia telah menjelaskan Bayaran Masuk dan Yuran Tahunan bagi tahun yang ia menjadi ahli Persatuan.

Peraturan 8.3

Ahli yang bertukar alamat hendaklah, di dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pertukaran tersebut, memberitahu Setiausaha secara bertulis. Segala notis yang hendak diberikan di bawah Persatuan hendaklah dianggap sebagai telah dilaksanakan dengan sempurna jika dihantar dengan bayaran pos biasa kepada ahli di alamat terakhir yang diketahui.

Perkara IX

Pemberhentian dan Pemecatan

Peraturan 9.1

- (a) Ahli yang ingin berhenti daripada keahliannya dalam Persatuan hendaklah memberi tiga (3) bulan notis menyatakan niatnya yang tersebut secara bertulis kepada Jawatankuasa.
- (b) Pemberhentian tidaklah boleh berkuatkuasa melainkan dan sehingga diterima oleh Jawatankuasa.
- (c) Jawatankuasa hendaklah menyampaikan keputusannya mengenai pemberhentian tersebut kepada ahli dalam tempoh (2) bulan selepas menerima notis yang tersebut dalam pecahan 9.1 (a)

Peraturan 9.2

- (a) Jawatankuasa hendaklah mengambil tahu mengenai sebarang perbuatan melanggar Peraturan Persatuan dan jika pembayaran gantirugi tidak dibuat mengikut cara yang mereka anggap sesuai atau jika berlaku perkara-perkara yang mengganggu keharmonian atau menjejaskan watak atau membahayakan kestabilan Persatuan, Jawatankuasa mempunyai tanggungjawab khas untuk menggantung keahlian dan selepas notis dan penyiasatan dijalankan dengan sempurnanya jika didapati bersalah memecat ahli berkenaan daripada Persatuan.
- (b) Mana-mana ahli yang tidak puas hati dengan keputusan Jawatankuasa ini bolehlah merayu kepada Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan atas permintaan bertulis daripada ahli-ahli seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 10.2.
- (c) Dalam mesyuarat tersebut lebih suara dua pertiga ($\frac{2}{3}$) ahli yang mengundi adalah diperlukan untuk membatalkan keputusan Jawatankuasa.

Peraturan 9.3

Mana-mana ahli yang terhenti keahliannya hendaklah terlucut segala hak atau tuntutan terhadap atau kepada Persatuan dan atau harta bendanya.

Peraturan 9.4

Jika mana-mana ahli didapati bersabit dalam apa-apa kesalahan yang pada pendapat Jawatankuasa berlawanan dengan perjalanan, peraturan, tujuan atau muslihat Persatuan, atau diputuskan dengan rasminya sebagai dibubarkan atau membuat penyelesaian atau perkiraan dengan siputangnya, ia hendaklah dari tarikh tersebut terhenti daripada menjadi ahli Peratuan, tetapi Jawatankuasa mempunyai kuasa budibicaranya yang mutlak untuk mengembalikan keahliannya tanpa mengenakan bayaran masuk.

Perkara X

Mesyuarat Agung

Peraturan 10.1

Mesyuarat Agung Biasa bagi Ahli Biasa Persatuan hendaklah diadakan sekali dalam setiap satu (1) tahun tidak lewat dari 30 Jun untuk maksud-maksud yang berikut :-

- (i) Untuk menerima laporan Jawatankuasa mengenai hal ehwal Persatuan.
- (ii) Untuk menerima dan meluluskan akaun yang sudah diaudit yang berakhir pada 31 Disember.
- (iii) Ahli-ahli Jawatankuasa akan dipilih (kecuali Setiausaha Kehormat) dalam Mesyuarat Agung dan dilantik untuk memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun..

Jawatankuasa lengkap hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut :-

- (a) Yang Dipertua
 - (b) Naib Yang Dipertua
 - (c) Bendahari
 - (d) Setiausaha Kehormat dan
 - (e) Enam orang Ahli Jawatankuasa Biasa
- (iv) Untuk melantik Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan dalam Perkara XVI dan
 - (v) Untuk mengendalikan apa-apa urusan yang sudah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha seminggu terlebih dahulu kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Perkara XVII.

Peraturan 10.2

- (a) Mesyuarat Agung Luarbiasa boleh diadakan bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa atau atas permintaan bertulis oleh tidak kurang daripada satu perlima (1/5) dari Ahli Biasa dengan menerangkan tujuan mengadakannya.
- (b) Mesyuarat Agung Luarbiasa diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh permintaan Mesyuarat diterima oleh Setiausaha Kehormat.

Peraturan 10.3

Notis bagi tiap-tiap Mesyuarat Agung Biasa dan Luarbiasa, menyatakan urusan yang akan dibincangkan hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada setiap ahli. Untuk Mesyuarat Agung Biasa, senaskah Penyata Kira-kira yang sudah diaudit, satu Agenda termasuk salinan Minit Mesyuarat dan Laporan-laporan hendaklah terkandung di dalam notis tersebut. Notis hendaklah dihantar dengan pos sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat itu akan diadakan.

Peraturan 10.4

- (a) Dalam mesyuarat Agung Biasa atau Luarbiasa hendaklah dianggap cukup kuorum apabila wakil ahli yang hadir berjumlah seramai dua kali ganda bilangan Ahli Jawatankuasa atau (1/2) daripada jumlah seluruh Ahli Biasa mengikut mana-mana jumlah yang terkurang tidak termasuk Yang Dipertua.
- (b) Yang Dipertua hendaklah menjadi Pengerusi dalam kesemua Mesyuarat Agung atau jika dia tidak dapat hadir di Mesyuarat tersebut, Naib Yang Dipertua hendaklah menjadi Pengerusi. Jika kedua-duanya tidak dapat hadir, ahli-ahli yang hadir bolehlah memilih daripada kalangan mereka seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat.
- (c) Tiap-tiap usul dan cadangan hendaklah diterima dan ditolak oleh undi lebih suara.
- (d) Tiap-tiap Ahli Biasa hendaklah mempunyai hanya seorang wakil sahaja yang menghadiri mesyuarat tersebut dan mempunyai satu undi sahaja.
- (e) Jika dalam masa setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat tersebut bilangan ahli yang hadir masih lagi belum cukup kuorum, maka jika diminta oleh ahli mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke minggu yang akan datang pada hari, waktu dan di tempat yang sama dan jika, dalam mesyuarat yang ditangguhkan itupun bilangan ahli yang hadir masih belum cukup kuorum dalam tempoh setengah jam dari masa yang ditetapkan ahli-ahli yang hadir mempunyai kuasa untuk meneruskan mesyuarat tetapi mereka tidaklah mempunyai kuasa untuk meminda Peraturan atau membuat keputusan yang melibatkan seluruh ahli.

Peraturan 10.5

Minit bagi tiap-tiap Mesyuarat Agung hendaklah dirakamkan di dalam buku minit yang disimpan khas untuk tujuan tersebut dan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat itu.

Perkara XI

Jawatankuasa

Peraturan 11.1

- (a) Ahli-ahli Jawatankuasa akan dipilih (kecuali Setiausaha Kehormat) dengan dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh Ahli-ahli Biasa dalam Mesyuarat Agung dan dilantik untuk memegang jawatan selama tempoh dua tahun. Jawatankuasa yang dipilih adalah bertanggungjawab ke atas semua pentadbiran hal ehwal Persatuan. Jawatankuasa lengkap hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut :-
- (i) Yang Dipertua
 - (ii) Naib Yang Dipertua
 - (iii) Bendahari
 - (iv) Setiausaha Kehormat dan
 - (v) Enam orang Ahli Jawatankuasa Biasa
- (b) Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk membuat sebarang peraturan atau kaedah mengenai pentadbiran atau perjalanan Persatuan.
- (c) Semua ahli jawatankuasa atau tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas pemerintah di dalam Persatuan ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.

Peraturan 11.2

- (a) Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil mana-mana bahagian tugas dan tanggungjawab yang tertentu.
- (b) Ahli Jawatankuasa hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kecil tersebut.
- (c) Jumlah Jawatankuasa Kecil tidaklah boleh melebihi lapan (8) tidak mengambil kira jumlah Jawatankuasa ad hoc.
- (d) Mana-mana ahli Persatuan, atas permintaan Jawatankuasa bolehlah dilantik untuk menggantikan mana-mana Jawatankuasa Kecil tersebut.

Peraturan 11.3

Sebarang kekosongan yang berlaku dalam satu-satu tahun di kalangan Ahli Jawatankuasa yang dipilih bolehlah diisi oleh Jawatankuasa daripada Ahli Biasa Persatuan.

Peraturan 11.4

Sekiranya mana-mana Ahli Jawatankuasa tidak menghadiri mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah yang boleh diterima oleh Jawatankuasa dan dengan syarat notis mesyuarat sudahpun dihantar dengan seumpamanya kepada ahli di alamat terakhir yang diketahui, ahli tersebut hendaklah secara automatik terhenti daripada menjadi Ahli Jawatankuasa.

Peraturan 11.5

- (a) Mesyuarat Biasa bagi Jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat kali dalam satu tahun.
- (b) Mesyuarat khas bolehlah dipanggil oleh Setiausaha apabila perlu, atau atas permintaan tiga orang Ahli Jawatankuasa.
- (c) Dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, separuh daripada bilangan Ahli Jawatankuasa hendaklah dianggap sebagai cukup kuorum.
- (d) Jika dalam masa setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, kuorum masih tidak mencukupi, mesyuarat bolehlah ditangguhkan sejam kemudian dan pada masa yang tersebut Ahli Jawatankuasa yang hadir boleh memulakan mesyuarat tetapi mereka tidaklah mempunyai kuasa untuk meminda undang-undang kecil.
- (e) Minit mengenai butir-butir laporan kesemua mesyuarat yang sudah dirakamkan dengan betul hendaklah disimpan oleh Setiausaha.
- (f) Segala persoalan hendaklah diputuskan menerusi undi lebih suara. Tiap-tiap Ahli Jawatankuasa hendaklah mempunyai satu undi. Pengerusi mempunyai undi muktamad apabila terdapat kesamaan undi.

Perkara 11.6

Setiausaha hendaklah memberi kepada Ahli Jawatankuasa notis bertulis tujuh (7) hari mengenai setiap Mesyuarat Biasa dan jika mungkin notis bertulis tiga (3) hari mengenai sebarang Mesyuarat Khas Jawatankuasa.

Peraturan 11.7

Peraturan 11.3, 11.4 dan 11.5 hendaklah juga digunakan bagi Jawatankuasa Kecil.

Peraturan 11.8

Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat Undang-undang Kecil dan apabila sudah dibuat, Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk meminda atau memansuhkan Undang-undang Kecil yang tidak selaras dengan Peraturan Perlembagaan ini demi untuk pentadbiran Persatuan yang sempurna. Semua Undang-undang Kecil yang dibuat, dipinda atau dimasukkan hendaklah diedarkan kepada semua ahli pada tarikh sebagaimana yang tercatat di dalamnya sehingga dan melainkan diputuskan sebaliknya oleh Mesyuarat Agung.

Peraturan 11.9

- (a) Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa bagi melantik orang perseorangan atau firma yang ditauliahkan untuk bertindak sebagai Setiausaha Kerja Persatuan untuk menetapkan jumlah upahnya.
- (b) Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik kakitangan yang lain bagi Persatuan sebagaimana yang difikirkan perlu.
- (c) Syarat-syarat perlantikan dan penamatannya hendaklah tertakluk di bawah satu perjanjian bertulis yang ditandatangani oleh Jawatankuasa dengan orang perseorangan atau firma yang dilantik.

Peraturan 11.10

Di antara satu Mesyuarat Agung dengan yang lain, jika sesuatu perkara berbangkit yang memerlukan Peraturan Perlembagaan Persatuan ditafsir, maka Jawatankuasa hendaklah mentafsir Peraturan Persatuan dan apabila perlu menentukan sebarang perkara di mana Peraturan tidak menyebut mengenai hal itu.

Peraturan 11.11

Kecuali di mana keputusannya ternyata bertentangan atau tidak selaras dengan polisi yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa hendaklah mengikut semua ahli Persatuan melainkan dan sehingga dibatalkan oleh satu ketetapan dalam Mesyuarat Agung.

Perkara XII

Tugas-tugas Ahli Jawatankuasa

Peraturan 12.1

- (a) Yang Dipertua hendaklah selama tempoh beliau memegang jawatan menjadi Pengerusi dalam semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan hendaklah bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kesemua mesyuarat tersebut. Beliau hendaklah mempunyai hak undi pemutus dan menandatangani minit bagi tiap-tiap mesyuarat pada masa minit tersebut disahkan.
- (b) Naib Yang Dipertua hendaklah memangku jawatan Yang Dipertua pada masa beliau tidak ada untuk menjalankan tugasnya.
- (c) Jika di dalam sesuatu Mesyuarat Jawatankuasa, Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua tidak dapat hadir, ahli-ahli yang hadir bolehlah memilih daripada kalangan mereka seorang Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Perkara 12.2

- (a) Bendahari hendaklah bertanggungjawab atas segala urusan kewangan Persatuan.
- (b) Beliau hendaklah menyediakan dan menyimpan buku yuran tahunan dan buku kira-kira yang lain mengenai segala urusan kewangan dan hendaklah bertanggungjawab atas ketepatannya.
- (c) Secepat mungkin selepas tiap-tiap tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember, satu penyata mengenai penerimaan dan pembayaran dan neraca kira-kira bagi tahun tersebut hendaklah disediakan dan diaudit oleh Juruaudit.

Peraturan 12.3

Setiausaha Kehormat hendaklah menjalankan segala urusan Persatuan mengikut Peraturan dan hendaklah melaksanakan segala arahan Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Beliau hendaklah bertanggungjawab menguruskan segala surat menyurat dan menyimpan semua buku termasuk daftar keahlian, dokumen dan surat-surat kecuali rekod kira-kira dan kewangan. Beliau hendaklah menghadiri kesemua Mesyuarat Agung dan merakamkan butir-butir laporan mesyuarat. Sekiranya beliau tidak hadir, Pengerusi hendaklah melantik salah seorang ahli untuk bertindak sebagai Setiausaha untuk mesyuarat berkenaan.

Perkara XIII

Tugas Ahli

Peraturan 13.1

Hendaklah menjadi kewajipan semua ahli :

- (a) Untuk mendokong dan mematuhi Peraturan dan Undang-undang kecil yang dibuat.
- (b) Untuk menerima dan melaksanakan segala keputusan Persatuan yang dibuat di dalam Mesyuarat Agung yang mana tidak bercanggah dengan kepentingan ahli atau peraturan Undang-undang Persatuan.
- (c) Untuk memupuk perhubungan yang lebih erat di antara ahli dan orang ramai.
- (d) Untuk menjelaskan Yuran Tahunan dan bayaran-bayaran lain dengan segera mengikut peraturan dan
- (e) Untuk melaksanakan dan menyempurnakan segala urusan dan rancangan mengikut permintaan Jawatankuasa (atau Jawatankuasa Kecil di dalamnya) dari semasa ke semasa.

Perkara XIV

Peruntukan Kewangan

Peraturan 14.1

Tertakluk di bawah peruntukan-peruntukan yang berikut dalam Peraturan Kumpulan Wang Persatuan bolehlah digunakan sebarang maksud yang perlu untuk melaksanakan tujuan-tujuannya termasuk perbelanjaan pentadbiran, bayaran gaji, elaun dan perbelanjaan pentadbiran, bayaran gaji, elaun dan perbelanjaan kepada Ahli Jawatankuasa dan kakitangan yang bergaji dan mengauditkan akaunnya tetapi tidak boleh sama sekali digunakan untuk membayar denda mana-mana ahli yang didakwa di mahkamah undang-undang.

Peraturan 14.2

- (a) Persatuan hendaklah membuka akaun dengan mana-mana bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa.
- (b) Akaun bank hendaklah atas nama Persatuan.
- (c) Bendahari bolehlah menyimpan pendahuluan wang runcit tidak melebihi M\$1,000 pada satu-satu masa.
- (d) Semua wang yang lebih daripada jumlah yang dinyatakan dalam perenggan (c) di atas hendaklah dimasukkan ke dalam bank Persatuan selepas penerimaannya.

- (e) Semua cek atau notis mengeluarkan wang atas nama Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Yang Dipertua (atau semasa dia tidak ada), oleh Naib Yang Dipertua) dan Bendahari atau salah seorang ahli Jawatankuasa yang dinamakan.
- (f) Jika sekiranya Bendahari dan Ahli yang dinamakan tidak ada, Jawatankuasa hendaklah melantik salah seorang ahlinya untuk menandatangani bagi pihak mereka.

Peraturan 14.3

- (a) Jawatankuasa hendaklah sebelum permulaan tiap-tiap tahun meluluskan Belanjawan Tahunan Persatuan.
- (b) Perbelanjaan di luar belanjawan tahunan Persatuan yang kurang daripada M\$1,000 bolehlah diluluskan bersama oleh Yang Dipertua dan Bendahari.
- (c) Tidak ada perbelanjaan di luar belanjawan tahunan Persatuan yang bernilai M\$1,000 atau lebih pada satu-satu masa yang boleh dibelanjakan tanpa persetujuan Jawatankuasa terlebih dahulu.

Peraturan 14.4

Persatuan boleh menggunakan wang Persatuan untuk memiliki harta, melabur di dalam mana-mana perusahaan atau perniagaan, membeli saham dan lain-lain kegiatan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada Persatuan dan semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan ini hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan pertubuhan ini, dan tidak sebahagianpun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Persatuan. Sungguhpun begitu, epruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik, untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-dua kepada sebarang ahli atau pekerja Perstuan ini dengan syarat mereka telah memberikan perkhidmatan kepada Persatuan ini.

Peraturan 14.5

Tahun kewangan Persatuan bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember.

Perkara XV

Juruaudit

Peraturan 15.1

- (a) Akaun Persatuan hendaklah diaudit oleh firma audit ikhtisas yang hendaklah dilantik dalam tiap-tiap Mesyuarat Agung Biasa tetapi bayarannya akan diputuskan oleh Jawatankuasa dari masa ke semasa.

- (b) Sekiranya jawatan Juruaudit dikosongkan pada bila-bila masa sahaja, jawatankuasa mempunyai kuasa untuk melantik Juruaudit baru selama baki tempoh jawatan tersebut.

Perkara XVI

Pemegang Amanah

Peraturan 16.1

Tiga orang Pemegang Amanah yang mestilah berumur lebih 21 tahun hendaklah dilantik dalam Mesyuarat Agung dan hendaklah memegang jawatan sehingga diberhentikan oleh Mesyuarat Agung.

Peraturan 16.2

Pemegang Amanah hendaklah terletak hak pada mereka apa-apa harta benda tidak boleh alih yang dipunyai oleh Persatuan dan/atau Yayasan Berkanun apabila Suratikatan amanah sudah disempurnakan.

Peraturan 16.3

Pemegang Amanah tidaklah boleh menjual, mengeluarkan atau memindah milik sebarang harta benda Persatuan tanpa persetujuan dan kuasa Mesyuarat Agung.

Perkara XVII

Pindaan

Peraturan 17.1

Mana-mana peraturan bolehlah dimasukkan atau dipinda dan mana-mana Peraturan baru dibuat pada bila-bila masa dengan syarat pemansuhan, pindaan atau Peraturan baru tersebut diluluskan dan diterima dalam Mesyuarat Agung.

Peraturan 17.2

- (a) Notis perubahan yang disyorkan mestilah diserahkan kepada Setiausaha dan hendaklah dinyatakan dengan jelas secara bertulis.
- (b) Sebarang perubahan tidaklah boleh disyorkan dalam mana-mana Mesyuarat Agung kecuali empat belas (14) hari telah berlalu di antara tarikh pemberian notis dengan tarikh mesyuarat tersebut.

Peraturan 17.3

Tidak ada sebarang pindaan boleh berkuatkuasa tanpa kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

Perkara XVIII

Hal-hal Lain

Peraturan 18.1

Persatuan boleh milik harta yang berubah atau tidak berubah dan boleh melabur di Malaysia dengan kelulusan Jawatankuasa. Segala keuntungan dari pelaburan hendaklah dijadikan tabung kewangan Persatuan bagi maksud melaksanakan tujuan-tujuannya.

Peraturan 18.2

Aduan dan cadangan bolehlah dikemukakan oleh ahli.

Peraturan 18.3

Peraturan hendaklah dicetak dan senaskah diberikan kepada semua ahli.

Peraturan 18.4

Mana-mana ahli yang merosakkan atau membinasakan harta benda Persatuan hendaklah membayar kepada Persatuan kos untuk membaiki kerosakan. Jumlah kos tersebut hendaklah ditaksirkan oleh Jawatankuasa yang keputusannya hendaklah muktamad. Keputusan ini tidak menghalang Jawatankuasa untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap ahli berkenaan di bawah Peraturan 9.2.

Peraturan 18.5

Buku, majalah, suratkhbar dan lain-lain barangan kepunyaan Persatuan tidaklah boleh sama sekali dibawa keluar dan perkarangan Persatuan tanpa kebenaran.

Peraturan 18.6

Pihak Persatuan ini tidaklah bertanggungjawab terhadap kematian atau kecederaan diri sendiri ke atas mana-mana ahli, ahli pelawat, tetamu atau mana-mana ahli keluarganya, yang mungkin timbul melalui sebarang cara atas sifatnya sebagaimana ahli Persatuan atau melalui perkara-perkara yang dinikmatinya dalam Persatuan, kemudahannya, keistimewaannya atau kesenangannya atau lain-lain sebab yang mungkin timbul.

Peraturan 18.7

Persatuan tidaklah bertanggungjawab di atas kehilangan atau kerosakan apa-apa juapun barang atau harta benda atau wang dibawa ke dalam perkarangan Persatuan oleh seseorang ahli, tetamunya atau mana-mana ahli keluarganya atau diamankan kepada kakitangan Persatuan.

Perkara XIX

Larangan

Peraturan 19.1

Perjudian dalam apa-apa bentuk sekalipun dilarang keras dalam perkarangan Persatuan.

Peraturan 19.2

Persatuan tidaklah boleh melibatkan diri dalam kegiatan Kesatuan Sekerja seperti yang ditakrifkan dalam Ordinan Kesatuan Sekerja tahun 1959.

Peraturan 19.3

Persatuan tidaklah boleh mengadakan sebarang permainan loteri tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan terlebih dahulu.

Perkara XX

Pembubaran

Peraturan 20.1

Persatuan bolehlah dibubarkan dengan kehendak ahlinya melalui ketetapan yang diambil oleh tidak kurang daripada tiga perlima ($3/5$) daripada jumlah seluruh Ahli Biasa.

Peraturan 20.2

Jika sekiranya Persatuan dibubarkan sebagaimana yang diperuntukkan di atas, segala hutang dan tanggungan yang dibelanjakan dengan sah di sisi undang-undang bagi pihak Persatuan hendaklah diselesaikan dan baki Tabung Kewangan hendaklah diuruskan mengikut keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Agung.

Peraturan 20.3

Notis pembubaran hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari selepas pembubaran.

UNDANG-UNDANG KECIL
YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN
PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA

1. Yayasan ini dinamakan Yayasan Amanah Latihan Berkanun, Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

“Yayasan Berkanun” membawa sama erti seperti Yayasan Amanah Latihan Berkanun, Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

“Persatuan” bermaksud Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

“Jawatankuasa” bermaksud Jawatankuasa yang dinyatakan dalam Perkara XI Peraturan 11.1 dalam Perlembagaan dan Peraturan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

“Pengerusi” bermaksud Yang Dipertua Persatuan yang dilantik di bawah Perkara X Peraturan 10.1 (iii) dalam Perlembagaan dan Peraturan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

“Perlembagaan Persatuan” dimaksudkan Perlembagaan dan Peraturan-peraturan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

Lain-lain perkataan yang ditafsirkan hendaklah mengikut makna dan tujuan yang dimaksudkan mengikut konteksnya sepertimana terkandung di dalam Perlembagaan Persatuan. Perkataan yang memberi pengertian mufrad hendaklah meliputi makna majmuk dan begitulah sebaliknya.

3. Tujuan

Tujuan penubuhan Yayasan Berkanun ialah untuk melaksanakan, membiayai dan memberi bantuan atau subsidi kepada kursus-kursus seminar, sebarang jenis latihan dan aktiviti-aktiviti yang pelbagai rupa sepertimana yang diperlukan oleh kebanyakan ahli-ahli Persatuan bagi tujuan mempertingkatkan kemahiran dan pengkhususan dalam semua bidang pengurusan dan latihan.

4. Pengurusan & Latihan

Yayasan Berkanun hendaklah diuruskan dan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Yayasan Berkanun yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Persatuan yang dilantik di bawah Perkara XI Perlembagaan dan Peraturan-peraturan Persatuan Badan Berkanun Malaysia dan atau mana-mana ahli Persatuan yang dilantik oleh Jawatankuasa Persatuan.

5. Kewangan

- (a) Sumber wang Yayasan Berkanun diperolehi daripada kutipan-kutipan yuran daripada peserta-peserta kursus, seminar, syarahan dan lain-lain aktiviti yang dilaksanakann oleh Yayasan Berkanun, daripada derma-derma dan bantuan yang dipungut oleh Yayasan Berkanun dari semasa ke semasa serta lain-lain sumber perolehan daripada pelbagai pelaburan.
- (b) Semua kumpulan wang Yayasan Berkanun hendaklah disimpan di dalam sesuatu bank atau institusi kewangan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Persatuan dan akaun tersebut diselenggarakan oleh Yang Dipertua serta Setiausaha atau Bendahari.
- (c) Tabung Yayasan Berkanun hendaklah digunakan semata-mata untuk tujuan yang dimaktubkan dalam Peraturan 3 Undang-undang Kecil Yayasan Berkanun, termasuk lain-lain perbelanjaan untuk mengurus.
- (d) Jawatankuasa boleh membuat sebarang pelaburan wang Yayasan Berkanun dalam mana-mana institusi dan badan pelaburan yang diakui dan dipertetapkan oleh peraturan pelaburan bagi Badan Berkanun. Setiap pelaburan dibuat atas nama Pemegang Amanah Persatuan dan akan dipegang olehnya bagi pihak Yayasan Berkanun.
- (e) Penyata Kewangan Tahunan Yayasan Berkanun bagi tempoh berakhir 31 Disember setiap tahun hendaklah dibentangkan oleh Jawatankuasa Persatuan dalam Mesyuarat Agung Biasa sebelum akhir bulan Jun tahun berikutnya setelah diaudit.

6. Tugas Jawatankuasa Yayasan Berkanun

- (a) Jawatankuasa Yayasan Berkanun hendaklah mengadakan mesyuarat tidak kurang daripada dua kali dalam setahun. Mesyuarat khas Jawatankuasa Yayasan Berkanun bolehlah dipanggil oleh Setiausaha ataupun dengan permintaan bertulis dari 3 orang Ahli-ahli Jawatankuasa kepada Setiausaha 7 hari terlebih dahulu.

Dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, separuh daripada bilangan Ahli Jawatankuasa hendaklah dianggap sebagai cukup kuorum.

- (b) Tertakluk kepada perenggan (a), Jawatankuasa boleh dengan arahan Yang Dipertua melaksanakan kerja dan membuat keputusan melalui edaran surat-surat resolusi.

Keputusan Jawatankuasa hendaklah dengan kelebihan undi di mana setiap ahli mempunyai satu undi dan Pengerusi mempunyai undi muktamad apabila terdapat kesamaan undi.

7. Pindaan

Peraturan Yayasan Berkanun boleh dipinda dan ditambah mengikut kuasa yang terkandung dalam Perkara XI Peraturan 11.8 Perlembagaan & Peraturan-peraturan Persatuan.

8. Pembubaran

Sekiranya Yayasan Berkanun dibubarkan, Yayasan Berkanun hendaklah membayar segala hutang piutang dan tanggungan. Wang lebihnya dan lain-lain harta jika ada, akan diserahkan kepada Persatuan Badan Berkanun Malaysia.